

AKHBAR	: UTUSAN MALAYSIA (MEGA SAINS)
TARIKH	: 16/5/2018
JABATAN	: FRIM
KLASIFIKASI	: PERHATIAN
	: MUKA SURAT : 16



USAHA Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) memulihara spesies terancam di negara ini tidak pernah berhenti sebaliknya terus diperhebat menerusi pelbagai program sama ada seminar penguatkuasaan dan aktiviti di lapangan.

Terbaharu agensi Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar itu menganjurkan program Ceramah Biodiversiti yang bertema, *Pemuliharaan Mamalia di Malaysia* di kampus institut berkenaan, di Kepong baru-baru ini.

Menariknya, dua pakar fauna terkenal, Dr. Lim Boo Liat dan Prof. Datuk Dr. Tajuddin Abdullah masing-masing membentangkan tajuk penyelidikan *Pengalaman Dari 1947 sehingga sekarang dan Biodiversiti, Biogeografi dan Evolusi*.

Boo Liat yang merupakan bekas pakar zoologi Institut Penyelidikan Perubatan (IMR), Kementerian Kesihatan dianggap sebagai perintis bidang zoologi di Malaysia.

Beliau telah mendedikasikan kerjaya profesionalnya dalam penyelidikan bioperubatan berkaitan haiwan kecil dan penyakit zoonotik seperti *scrub typhus*, leptospirosis dan penyakit hawar hitam. Beliau juga merupakan perunding kehormat zoologi Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) Semenanjung Malaysia.

Tajuddin pula merupakan pensyarah Fakulti Sains dan Teknologi, Universiti Malaysia Terengganu (UMT), juga merupakan Pengarah Institut

FRIM perhebat penyelidikan mamalia

Biodiversiti Tropika dan Pembangunan Lestari (IBTPL).

Dalam pada itu, Ketua Pengarah FRIM, **Datuk Dr. Abd. Latif Mohmod** berkata, objektif penganjuran program tersebut adalah sebagai platform perkongsian ilmu dan pengalaman mengenai konservasi mamalia di Malaysia bersama individu berkepentingan dan masyarakat.

Program tersebut juga bertujuan mengukuhkan kerjasama dengan pihak berkepentingan dalam meningkatkan usaha konservasi fauna di negara ini.

"Kita sedia maklum, penyelidikan flora dan fauna adalah satu proses yang dinamik.

"Saya dimaklumkan sebanyak 37 organisasi yang merangkumi agensi-agensi kerajaan, universiti dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) telah dijemput untuk menghadiri program ini," ujarnya.

Beliau menyatakan demikian pada ucapan perasmian Ceramah Biodiversiti di kampus FRIM Kepong baru-baru ini. Teks ucapannya telah dibacakan oleh Timbalan Ketua Pengarah

(Operasi) FRIM, Dr. Khali Aziz Hamzah.

Yang turut hadir, Pengarah Biodiversiti Hutan FRIM, Dr. Lillian Chua dan Ketua Cawangan Zoologi, Mohammad Shahfiz Azman.

Program tersebut yang dihadiri hampir 200 peserta yang terdiri daripada pegawai-pegawai kementerian, Perhilitan, Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM), IMR, penyelidik FRIM, pakar-pakar, ahli-ahli akademik, dan wakil NGO serta universiti.

Katanya lagi, Bahagian Biodiversiti Hutan FRIM mengenal pasti kepentingan dan keperluan cawangan yang bertanggungjawab dalam menjalankan penyelidikan fauna khususnya Cawangan Zoologi. Cawangan tersebut menjalankan kajian fauna bermula dari bidang taksonomi sehingga pengurusan landskap yang lebih besar seperti Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS) dan *Central Forest Spine* (CFS).

Maklumat penyelidikan yang diperoleh dikongsi

bersama semua pihak berkepentingan melalui jurnal, prosiding, poster dan risalah.

Program anjuran Cawangan Zoologi Biodiversiti Hutan FRIM itu adalah yang pertama dalam satu siri Ceramah Biodiversiti yang akan diadakan untuk menggalakkan perkongsian pengetahuan, pengalaman, status terkini dan hala tuju berkaitan isu-isu biodiversiti, ekologi serta pemuliharaan di negara ini.

Di samping itu, menurut Abd. Latif lagi, FRIM juga merupakan habitat bagi pelbagai spesies fauna.

Menurutnya, sehingga kini, penyelidik FRIM berjaya merekodkan mamalia sebanyak 58 spesies, burung (185 spesies), amfibia (32 spesies) dan reptilia sebanyak 82 spesies reptilia di kampus FRIM.

Antara spesies yang terancam adalah tenggiling (*Manis javanica*), kongkang/ kera duku (*Nycticebus coucang*) dan kubung (*Gelopterus variegatus*).



ANTARA spesies mamalia yang terancam adalah tenggiling (kiri) dan kongkang

kecil termasuk:

1 Pemantauan Kepelbagaian Biologi Vertebrata Terpilih di Kawasan-kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS).

Objektif utama kajian ini adalah mengenal pasti

vertebrata yang wujud di kawasan sensitif alam sekitar, di samping membangunkan parameter biologi bagi pengelasan kawasan sensitif alam sekitar di Malaysia. Hal ini jelas berdasarkan Dasar 22, Rancangan Fizikal Negara Kedua yang menetapkan bahawa KSAS perlu diintegrasikan dalam perancangan dan pengurusan guna tanah dan sumber alam semula jadi.

Perkara ini turut ditekankan dalam Dasar Kepelbagaian Biologi Kebangsaan (2016-2025), bawah Sasaran 3 yang menyatakan bahawa konservasi ke atas biodiversiti perlu diarusperdana kan dalam perancangan di peringkat negeri dan nasional menjelang 2025.

2 Kajian Vertebrata Kecil di Koridor-Koridor Ekologi CFS Terpilih Di Semenanjung Malaysia.

Terdapat 37 koridor ekologi yang telah dikenal pasti di seluruh Semenanjung Malaysia. Walau bagaimanapun, maklumat vertebrata kecil dan sederhana di koridor ekologi ini masih berkurangan.

Oleh demikian, projek tersebut menyarankan agar sekurang-kurangnya maklumat vertebrata kecil di 11 koridor ekologi dapat dikumpul menjelang 2020.



DR. KHALI AZIZ HAMZAH (duduk, tengah) bersama pakar jemputan dan pegawai pelbagai agensi kerajaan yang menyertai Ceramah Biodiversiti di FRIM Kepong, Kuala Lumpur baru-baru ini.

AKHBAR	: UTUSAN MALAYSIA (MEGA SAINS)	MUKA SURAT	: 16
TARIKH	: 16/5/2018	FRIM	
JABATAN	: FRIM		
KLASIFIKASI	: PERHATIAN		



ABD. LATIF MOHMOD telah menyempurnakan majlis dengan penanaman pokok melaka di SPF Selandar, Melaka baru-baru ini.

Taman Sinonim pertama di Malaysia

SEDARCAH kita alam semula jadi dan manusia sebenarnya berkait rapat antara satu sama lain sehinggakan nama tempat yang didiami juga sama dengan nama pokok atau tumbuh-tumbuhan.

Sayangnya, dalam meniti arus pemodenan, makin berkurangnya manusia yang peduli dan prihatin dengan kepelbagaian pokok dan tumbuh-tumbuhan yang ada, terutama spesies yang semakin dilanda kepupusan.

Sejajar itu, Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) baru-baru ini telah menubuhkan Taman Sinonim di Stesen Penyelidikan FRIM (SPF) Selandar, Melaka sempena sambutan Hari Hutan Antarabangsa (IDF).

Taman Sinonim yang pertama di Malaysia itu merupakan taman yang menempatkan 66 pokok daripada 33 spesies tumbuhan yang nama tempatannya sinonim dengan nama tempat di Melaka bagi memberikan kesedaran kepada masyarakat setempat mengenai keunikan yang ada itu.

Ketua Pengarahnya, **Datuk Dr. Abdul Latif Mohmod** berkata, objektif utama penubuhan taman itu adalah bertujuan untuk memberikan pengetahuan am dan panduan kepada masyarakat setempat dalam mengenali tumbuh-tumbuhan yang sinonim dengan tempat di bandar raya bersejarah itu.

Katanya, kewujudan nama-nama tersebut secara tidak langsung memudahkan orang

ramai untuk mengenali dan mengingati nama-nama pokok daripada nama biasa hingga nama pokok yang kurang dikenali atau hampir dan telah pupus.

"Program ini mengetengahkan kepentingan pemuliharaan hutan serta memberi kesedaran kepada masyarakat umum tentang kewujudan nama-nama tempat yang sinonim dengan nama tumbuhan.

"Di Malaysia, banyak nama tempat dikaitkan dengan nama tumbuhan termasuk negeri, bandar, pekan, kampung, desa, taman, jalan, lorong serta bangunan.

"FRIM berjaya mengenal pasti 149 spesies tumbuhan yang dinamakan atau mempunyai nama serupa dengan tempat-

ANTARA peserta yang mengambil bahagian dalam penanaman pokok sinonim dengan nama tempat di Melaka.

tempat di Malaysia," katanya ketika ditemui pada Majlis sambutan IDF di SPF Selandar, Melaka baru-baru ini.

SPF Selandar, Melaka telah dibangunkan pada tahun 2009 sebagai stesen penyelidikan bagi uji tanam bahan tanaman yang dihasilkan secara kultur tisu, pelbagai spesies herba yang terpilih dan bagi usaha pemuliharaan kawasan hutan sedia ada.

Di SPF ini, klon tumbuhan terpilih akan dibiak baik secara kultur tisu, dipelihara dan ditanam di setiap SPF sebagai strategi mengelakkan daripada kepupusan.

Antara spesies hutan daripada klon terpilih termasuk pokok meranti temak nipis (*Shorea roxburghii*), jelutong (*Dyera costulata*), karas, batai (*Paraserianthes falcataria*), sesenduk (*Endosepernum malaccense*) dan *Eucalyptus* yang ditanam secara *ex situ* (dalam kawasan habitat).

Sementara itu, hampir 80 peserta dari FRIM dan wakil komuniti setempat termasuk sekolah, institusi pengajian tinggi, kampung serta badan-badan kerajaan terlibat dalam aktiviti penanaman pokok tersebut.

Mengulas lanjut, Dr. Abd. Latif

berharap agar Taman Sinonim di SPF Selandar ini menjadi perintis kepada penubuhan taman-taman sinonim mengikut nama tempatan pokok dan tempat di setiap negeri di Malaysia.

Beliau berharap agar usaha penanaman pokok yang melibatkan pelbagai lapisan masyarakat ini akan membentuk komuniti yang lebih prihatin kepada keadaan alam sekitar serta memupuk kesedaran mengenai kepentingan hutan dan pemuliharaannya menerusi aktiviti pembelajaran yang interaktif dan menyeronokkan. -

INTAN SUHANA CHE OMAR



DR. ABDUL LATIF MOHMOD bersama pegawai dan peserta yang menyertai sambutan Hari Hutan Antarabangsa Peringkat FRIM di SPF Selandar, Melaka baru-baru ini.